


# Citra

Isnin | 19 Mac 2012 | [www.sinarharian.com.my/rencana](http://www.sinarharian.com.my/rencana)

# Perpustakaan taman

Lihat muka 



**APABILA** merujuk perpustakaan pasti tergambar susunan buku di rak, suasana senyap dan wajah serius pembaca membelek bahan ilmu di tangan masing-masing. Selain makan dan minum, bercakap dan tidur dilarang sama sekali. Begitu pun Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam dilihat menukar persepsi ini apabila suasana dalamannya ditata berwarna-warni dan interaktif. Lebih daripada itu, pengunjung dibenarkan tidur sebentar bagi merehatkan minda asalkan tidak mengganggu pengunjung lain. Sementara di sayap kanan tingkat bawah yang dikhususkan untuk pengguna bawah 10 tahun, keceriaan terpancar di wajah pengunjung cilik apabila mereka tidak sekadar boleh membaca pelbagai bahan menarik bersama keluarga malah tidak dihalang bermain, berinteraksi dan bebas meneroka suasana perpustakaan yang direka bak taman permainan. *Sinar 19/3/12 MS 1.*



# Buku perni

Oleh AIDA AZURA AZEMI

**K**etika berjalan menuju pintu utama bagi memasuki Perpustakaan Raja Tun Uda yang terletak dalam Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah (KGSAAAS), Seksyen 13 Shah Alam, apa yang dibayangkan di fikiran pastilah deretan buku di rak dan suasana dingin lagi senyap seperti bangunan-bangunan berisi khazanah ilmu lain. Bagaimanapun sebaik sahaja masuk, blok-blok huruf aneka warna menyambut pandangan.

Tertera Zon Kreatif, nama ruangan ini terbias daripada seponok pokok yang dinamakan *reading tree*. Menjadi titik tumpu adalah tiga ekor kuda hijau dan merah yang sedia untuk ditunggang di bawahnya.

Di sekelilingnya, pelbagai bahan bacaan menarik disusun pada rak berbentuk gelongsor yang sudah tentu mendapat perhatian istimewa kanak-kanak. Pada masa sama, si cilik pasti sukar melepaskan pandangan pada sudut interaktif di mana terdapat permainan *Nintendo Wii* serta tarikan utama di sini, *i-Step*.

Turut disediakan, aplikasi istimewa *On Location Reporter* yang dapat membina keyakinan diri kanak-kanak menerusi peluang berucap ala wartawan yang sedang bersiaran secara lintas langsung. Manakala bagi kanak-kanak yang menyukai

alam siber, tersedia lapan komputer peribadi *HP Windows 7* dan lapan *iMac* untuk dibuat melayari internet.

Satu yang pasti, apabila ibu bapa memasuki Zon Kreatif ini pasti terbit satu perasaan untuk meneroka lebih luas laman ilmu bersama anak-anak. Nyata konsep taman dengan bauran warna ceria upaya membangkitkan suasana kondusif bagi mendidik si kecil menyukai budaya membaca.

## Bagai di rumah

Salah satu kelebihan Perpustakaan Raja Tun Uda sebenarnya ialah pemandangan indah tasik yang berisi banyak teratai di sebelahnya. Justeru jika Zon Kreatif digayakan dengan warna-warni sesuai dengan usia yang mengisi bahagian berkenaan, tingkat lain bangunan ini menawarkan suasana damai setiap kali pandangan melewati dinding kaca. Lebih sempurna, suasana yang tidak membayangkan sudut kota ini disatukan dengan deretan rak buku moden, sofa ranggi dan kerusi meja berwarna putih yang jarang menjadi pilihan

tempat seperti perpustakaan.

Merujuk pada hiasan dalaman yang sangat relevan masa, pegawai yang mengiringi penulis menelusuri bangunan ini mengakui merealisasikan sesuatu di luar kotak sememangnya ada cabaran tersendiri. Sebagai contoh warna kerusi meja pernah dipertikaikan kerana dikhuatiri mudah comot akibat kandungan nakal namun demi memulakan sesuatu yang dipercayai mampu mengubah persepsi gedung ilmu terutama dalam minda generasi muda, pengurusan

Perpustakaan Raja Tun Uda berkonsep moden, sesuai untuk kunjungan keluarga



Kegembiraan kanak-kanak menggunakan komputer di Zon Siber.

Perpustakaan Raja Tun Uda meneruskannya.

Selain hiasan dalaman, kelainan yang diperkenalkan agar pengunjung lebih mesra perpustakaan adalah mereka dibenarkan tidur sebentar asalkan dalam keadaan sopan dan tidak mengganggu orang lain apabila terasa letih mengulit buku. Alas kaki juga perlu dilepaskan di luar sebelum memasuki setiap bahagian. Hasilnya baik berkaki ayam mahupun berstoking, pijakan pada hamparan karpet lembut mewujudkan perasaan selesa bak berada di rumah.

Elemen spiritual terutama berkaitan agama semestinya bersangkutan dengan ketenangan yang didambakan setiap orang terutama pencinta ilmu. Di Perpustakaan Raja Tun Uda, hal ini terbias daripada kemudahan surau yang disediakan di setiap tingkat. Bagi yang ingin berjemaah setiap kali masuk waktu solat, mereka dialu-alukan berbuat demikian di surau paling besar yang terletak di tingkat bawah.

Bahan bacaan yang ditawarkan semestinya terbaru dan banyak. Bagi golongan remaja bahagian paling sesuai untuk mereka adalah Tingkat 1 yang menempatkan



1/5.

# tan pustakaan 'biasa'!

Suasana kondusif untuk ibu bapa menyemai budaya membaca pada usia kecil.

## Kemudahan lain Perpustakaan Raja Tun Uda

### Multimedia & internet

Dilengkapi kemudahan WiFi percuma dengan kelajuan 4Mbps, terdapat 14 komputer terdiri daripada unit berasaskan Windows 7 dan iMac dengan operasi Snow Leopard OS X disediakan di setiap tingkat.

INFO

Keahlian u-Pustaka memudahkan pengguna membuat pinjaman dan pemulangan bahan di mana-mana perpustakaan konsortium seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Selangor, Perpustakaan Kuala Lumpur, Perpustakaan INTAN dan lain-lain.

**Edutainment**

Mempunyai bilik teater berteknologi *6D Motion Ride* yang menggabungkan kesan khas pencahayaan, gegaran, angin, visual 3D dan bunyi. Juga terdapat Bilik Mini 3D berkapasiti 30 orang untuk tayangan filem berteknologi 3 dimensi, dilengkapi sofa dan kusyen empuk.

**Gimnasium**

Gimnasium utama terletak di Tingkat Bawah 1 manakala gimnasium bersaiz lebih mini turut ditempatkan di Tingkat 3 dan Tingkat 4 untuk kemudahan pengunjung.

**Dewan serbaguna**

Mempunyai auditorium berkapasiti 200 orang selain dewan dan bilik seminar yang boleh disewa untuk tujuan seminar, bengkel dan ceramah.

**Kafeteria**

Pemandangan menarik tasik dan kubah Masjid Shah Alam membuatkan kafe di sini tidak hanya menyajikan makanan lazat malah suasana nyaman dan damai ketika menjamu selera.

buku, koleksi jabatan, jurnal dan tesis yang tidak lagi diulang cetak serta Koleksi Nadir Umum yang cukup berharga, jarang ditemui dan amat bernilai.

Umumnya buku disusun dengan tetulang buku di sebelah hadapan untuk memudahkan akses pembaca. Menerusi cara ini, muatan buku di setiap rak juga dapat dipertingkatkan.

Bagaimanapun bagi sesetengah buku yang menepati tema tertentu iaitu Anatomi di Tingkat 1, Lautan (Tingkat 2), Bumi (Tingkat 3) dan Angkasa Lepas (Tingkat 4), bahan bacaan disusun menghadap ke depan. Meskipun susunan mirip aplikasi rak buku maya yang dinamakan *Book Wall* ini membuatkan kira-kira 1,500 naskhah

sahaja boleh dipamerkan, ia pantas menarik perhatian pengunjung untuk mencapai bahan bacaan berkaitan tidak kira secara berdiri mahupun dibawa duduk di sofa hijau zaitun berdekatan.

Pengunjung Perpustakaan Raja Tun Uda yang berdaftar menjadi ahli dibenarkan meminjam sebanyak tiga naskhah buku untuk tempoh tiga minggu dan tempoh pinjaman boleh dilanjutkan selama tiga minggu lagi secara pembaharuan menerusi panggilan telefon.

Dibuka setiap hari dari jam 9.30 pagi hingga 6 petang kecuali Sabtu dan Ahad (9.30 pagi hingga 5.30 petang); keahlian perpustakaan dibuka percuma kepada semua termasuk kanak-kanak peringkat umur bayi.

**Pesanan pengarah**



Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) yang turut terlibat dalam transformasi Perpustakaan Raja Tun Uda sejak awal, Mastura Haji Muhamad menyatakan banyak usaha sudah tercurah untuk menjadikan perpustakaan seluruh Selangor berwajah baru dan mampu menarik perhatian pengunjung khususnya generasi muda.

Dibuat secara berperingkat, kesan positif perubahan dilakukan semakin terbukti dengan jumlah peningkatan pengunjung ke semua perpustakaan negeri pada hari ini.

Perpustakaan Raja Tun Uda sendiri mencatat kunjungan lebih 237,000 orang walaupun baru dibuka sejak 22 Julai 2011 lalu. Permohonan melakukan lawatan yang diterima setiap hari turut mencecah hingga 20 permohonan.

"Bagaimanapun saya ingin menyeru pengunjung agar sama-sama menjaga kemudahan disediakan. Bagi ibu bapa yang membawa anak-anak ke Zon Kreatif misalnya, sila pantau agar tiada kerosakan prasarana atau gangguan kepada pengunjung lain berlaku.

"Sekiranya pengunjung mempunyai tahap kesedaran tinggi untuk sama-sama menjaga persekitaran yang diusahakan kami agar terbaik untuk semua, pasti tiada ralat untuk kemudahan lain terus ditambah pada masa hadapan," ujar Mastura.